

**PERISYTIHARAN JUALAN LELONG
DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI JOHOR BAHRU
DALAM NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM, MALAYSIA
SAMAN PEMULA NO: JA-24FC-1640-12/2017
PELAKSANAAN NO: JA-38-230-03/2018**

Dalam Perkara Mengenai Seksyen 256 dan 257 Kanun Tanah Negara 1965

Dan

Dalam Perkara Mengenai Gadaian ke atas Pajak ke atas hartanah dikenali sebagai **Hak Milik No. H.S. (D) 478916, No. P.T.D 170708, Mukim Pulai, Daerah Johor Bahru, Negeri Johor Darul Takzim** yang didaftarkan pada **30.4.2015** melalui Perserahan No. 34013/2015

Dan

Dalam Perkara di bawah Aturan 31 dan 83 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

ANTARA

AMANA INTERNATIONAL FINANCE SDN BHD

(NO. SYARIKAT : 15951-D)

.....PLAINTIF

DAN

MEDINI SQUARE SDN BHD (NO. SYARIKAT : 913041-W)

.....DEFENDAN

Menurut Perintah Mahkamah Tinggi Malaya di Johor Bahru, Johor mengenai Perintah Jualan dan Notis Permohonan bertarikh pada 1hb Februari 2018, 2hb April 2018 dan 26hb Jun 2018 masing-masing, adalah dengan ini diisytiharkan bahawa Timbalan Pendaftar/ Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya di Johor Bahru dengan dibantu oleh Pelelong Berdaftar yang dilantik oleh Mahkamah :-

AKAN MENJUAL SECARA LELONG AWAM

PADA HARI RABU, 25HB JULAI 2018, JAM 10.30 PAGI

**DI BILIK LELONG, MAHKAMAH TINGGI JOHOR BAHRU, JALAN DATO' ONN,
JOHOR BAHRU, JOHOR**

Bakal pembeli adalah dinasihatkan agar membuat carian Hakmilik secara rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa semua tanggungan, bebanan serta mengenal pasti dengan tepat hartanah tersebut sebelum jualan lelongan dijalankan.

BUTIR-BUTIR HAKMILIK:-

No. Hakmilik: HSD 478916 **Pegangan:** Selama-lamanya **No. Lot:** PTD 170708 **Keluasan Tanah:** 24,331 meter persegi **Mukim/Daerah/Negeri:** Pulai/ Johor Bahru/ Johor **Pemilik Berdaftar:** ISKANDAR INVESTMENT BERHAD **Pajakan:** Pajak seluruh tanah kepada **MEDINI SQUARE SDN BHD** bagi tempoh masa selama 99 tahun bermula pada 1hb Mei 2014 dan tamat tempoh pajakan pada 30hb April 2113 melalui No. Perserahan 93423/2014 yang didaftarkan pada 10hb November 2014 ("**Pajakan Tanah Tersebut**"). **Kategori Kegunaan Tanah:** Bangunan **Cukai Tahunan:** RM102,480.00 **Syarat-Syarat Nyata:** Rujuk Pelelong **Sekatan Kepentingan:** Tiada **Bebanan:** Pajak Tanah Tersebut dicagarkan kepada **AMANA INTERNATIONAL FINANCE SDN BHD** melalui No. Perserahan 34013/2015 yang didaftarkan pada 30hb April 2015.

LOKASI DAN PERIHAL HARTANAH:-

Hartanah tersebut merupakan sebidang Tanah Komersial Kosong dengan manfaat Kebenaran Merancang untuk Pembangunan Strata Bercampur yang terletak di Lot PTD 170708, Zone A, Bandar Medini Iskandar Malaysia, 79250 Iskandar Puteri, Johor Darul Takzim.

HARGA RIZAB:-

Hartanah tersebut akan dijual "**DALAM KEADAAN SEDIA ADA**" dan tertakluk kepada harga rizab sebanyak **RM41,000,000.00 (Ringgit Malaysia : EMPAT PULUH SATU JUTA SAHAJA)** dan kepada syarat-syarat jualan yang dicetakkan di Perisytiharan Jualan. Bagi penawar-penawar yang berminat adalah dikehendaki mendeposit 10% daripada harga rezab dalam bentuk **bank draf/cashier's order** atas nama **AMANA INTERNATIONAL FINANCE SDN BHD** sebelum jam **9.30 pagi** kepada mahkamah pada hari lelongan awam dan baki wang belian hendaklah dibayar oleh pembeli kepada **AMANA INTERNATIONAL FINANCE SDN BHD** dalam tempoh **SATU RATUS DUA PULUH (120) HARI** dari tarikh jualan. Tiada lanjutan masa dibenarkan.

LAIN-LAIN SYARAT

Seperti yang dinyatakan di dalam Lampiran Pajak kepada Pajak Tanah Tersebut bertarikh 23hb Julai 2014, yang dilampirkan disini dan sesalinan yang mana adalah tersedia dan boleh diperolehi daripada Peguamcara Plaintiff atau Pelelong yang tersebut dibawah.

Untuk maklumat selanjutnya, sila berhubung dengan Peguamcara Plaintiff atau Pelelong yang tersebut dibawah :-

KHADIJAH @

LIZA BINTI SULAIMAN

Pelelong Berlesen Negeri Johor

Tetuan NHP Consultant

No. 68-02, Jalan Setia Tropika 1/18

Taman Setia Tropika,

81200 Johor Bahru, Johor

Tel : 012-7524893 / 012-7631980

Email : kls.auctioneer@gmail.com

[Ruj : AUC117/18/JBHC/

AIFSB/SRL/NH/KLS]

TETUAN

SHAHRIZAT RASHID & LEE

Peguambela & Peguamcara

Level 12, Menara Millenium

8, Jalan Damansara,

Damansara Heights

50490 Kuala Lumpur

Tel : 03-27105555 Fax : 03-27103108

[Ruj : HK/HAH/AIF/1454/

17/MS/ml(18596)]